

**KAJIAN TERHADAP FAKTOR KESEDARAN FUNGSI KOD BERPALANG
(*BARCODE*) PADA BARANGAN DI PASARAYA BESAR SEKITAR
SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG DALAM KALANGAN
PENSYARAH POLITEKNIK SEBERANG PERAI.**

10DLS13F1042	MUHAMMAD ZARIS ARIFFIN BIN AZMI
10DLS13F1070	MOHAMAD SIDDIQ BIN SAPIDIH
10DLS13F1076	NUR LIYANA BINTI ZULKIFLI
10DLS13F1088	HAIKAL NAJWAN BIN HASMI
10DLS13F1108	KUNASEELLAN A/L SHANKER
10JLS13F1019	ARICHANA A/P GOVINDASAMY

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK
DAN RANGKAIAN BEKALAN**

**JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

DISEMBER 2015

PENGHARGAAN

Dipanjatkan kesyukuran kepada Yang Maha Pencipta yang memberikan nikmat Islam dan Iman kepada kita semua. Begitu juga dengan rezeki yang dikurniakan dan kesihatan diri yang baik bagi meneruskan tugas sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Alhamdulillah, syukur terhadap Allah S.W.T kerana dapat menyempurna penyelidikan ini dalam tempoh yang ditetapkan. Di kesempatan ini juga kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan bersyukur ke hadrat illahi dengan limpah kurnianya kami dapat menyiapkan 'Kajian Terhadap Faktor Kesedaran Fungsi Kod Berpalang (*Barcode*) Pada Barangan Di Pasaraya Besar Sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Seberang Perai'. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Cik Aida Zuraina Binti Mir Ahmad Talaat kerana sudi menyelia kami dan memberi peluang serta tunjuk ajar kepada kami dalam menjalani kajian ini. Beliau banyak membantu kami dalam memberikan cadangan dan pendapat yang bernas dalam menyelesaikan kajian ini. Terima kasih juga di atas kerjasama yang diberikan oleh Pn. Azizah Binti Abd. Razak dan juga Encik Abd Aziz Bin Ishak selaku pensyarah kursus kami kerana sudi memberikan tunjuk ajar yang amat memberangsangkan sepanjang kami menjalani kajian ini. Segala tunjuk ajar yang diberikan amat dihargai dan akan dijadikan sebagai satu pengalaman serta panduan untuk digunakan pada masa hadapan.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada kedua ibu bapa yang dikasihi lagi disayangi di atas sokongan, motivasi serta iringan doa yang tidak putus buat kami. Tidak dilupakan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah sama-sama mengharungi pelbagai cabaran dalam menyiapkan laporan kajian ini. Akhir sekali, kepada semua individu yang terlibat secara langsung, ribuan terima kasih diucapkan. Segala kerjasama dan pengorbanan masa yang telah dicurahkan akan mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Semoga sumbangan dan dorongan anda mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

Sekian, Wassalam.

ABSTRAK

Pada masa kini, penggunaan kod berpalang (*barcode*) di pasaraya besar semakin meluas serta menjadi platform utama pengguna untuk menyemak harga barangan. Walaubagaimana, terdapat juga pengguna masa kini yang kurang memahami dan mengetahui kelebihan dalam penggunaan kod berpalang (*barcode*). Oleh yang demikian, satu 'Kajian Terhadap Faktor Kesedaran Fungsi Kod Berpalang (*Barcode*) Pada Barangan Di Pasaraya Besar Sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Seberang Perai' telah dibuat. Dalam kajian ini, terdapat tiga faktor yang dikaji iaitu faktor pengetahuan, faktor sikap dan faktor fasiliti. Bagi mencapai tiga objektif ini, maklum balas dikumpul dari responden berkaitan faktor-faktor penggunaan kod berpalang (*barcode*) di pasaraya besar sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Sebanyak 100 responden telah dipilih secara rawak dalam kalangan pensyarah Politeknik Seberang Perai. Kaedah yang digunakan adalah kaedah tinjauan dengan mengedarkan soalan soal selidik kepada responden yang terpilih. Hasil dapatan kajian diproses menggunakan sistem *Statistical Package For Social Science* (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor fasiliti yang menjadikan faktor utama dalam faktor kesedaran fungsi kod berpalang (*barcode*) pada barangan di pasaraya besar sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dalam kalangan pensyarah Politeknik Seberang Perai diikuti oleh faktor sikap dan akhirnya faktor pengetahuan. Oleh yang demikian, ketiga-tiga faktor ini sangat memainkan peranan yang penting dalam mengkaji faktor kesedaran fungsi kod berpalang (*barcode*) pada barangan di pasaraya besar sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang masalah	2
1.3 Pernyataan masalah	4
1.4 Objektif kajian	6
1.5 Persoalan kajian	6
1.6 Kepentingan kajian	7
1.7 Skop kajian	8
1.8 Definisi operasi	8
1.9 Limitasi kajian	12
1.9.1 Sumber maklumat	
1.9.2 Lokasi tertumpu di pasaraya seperti di Giant, Tesco, Econsave	

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	14
2.2	Faktor Pengetahuan	15
2.3	Faktor Sikap	18
2.4	Faktor Fasiliti	20

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	22
3.2	Reka bentuk kajian	23
3.3	Teknik pengumpulan data	23
	3.3.1 Data Primer	
	3.3.2 Data Sekunder	
3.4	Populasi dan persempelan	24
	3.4.1 Populasi	
	3.4.2 Sampling	
3.5	Instrumen Kajian	26
	3.5.1 Borang soal selidik	
	3.5.2 Bahagian A	
	3.5.3 Bahagian B	
3.6	Kaedah analisa kajian	28
	3.6.1 Analisis Kajian Rintis (<i>SPSS</i>)	
	3.6.2 Analisis Kekerapan	
	3.6.3 Analisi Min	

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	31
4.2	Analisis kebolehpercayaan data	32
4.3	Dapatan kajian	33
4.3.1	Bahagian A : Latar belakang responden	34
4.3.2	Bahagian B : Kajian Terhadap Faktor Kesedaran Fungsi Kod Berpalang (<i>Barcode</i>) Pada Barangan Di Pasaraya Besar Sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Seberang Perai	43

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	56
5.2	Perbincangan	57
5.2.1	Perbincangan Mengenai Faktor Pengetahuan Terhadap Fungsi Kod Berpalang (<i>Barcode</i>) Pada Barangan Di Pasaraya Besar Sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Seberang Perai	
5.2.2	Perbincangan Mengenai Faktor Sikap Terhadap Fungsi Kod Berpalang (<i>Barcode</i>) Pada Barangan Di Pasaraya Besar Sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Seberang Perai	
5.2.3	Perbincangan Mengenai Faktor Fasiliti Terhadap Fungsi Kod Berpalang (<i>Barcode</i>) Pada Barangan Di Pasaraya Besar Sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Seberang Perai	
5.3	Implikasi kajian	62
5.4	Cadangan	64
5.4.1	Cadangan kepada pihak pasaraya besar	
5.4.2	Cadangan kepada pengguna	
5.4.3	Cadangan kepada Pengkaji Akan datang	

SENARAI JADUAL

Table No.		Halaman
3.1	Skala likert	27
3.2	Skala min skor	30
4.1	Jadual analisis kebolehpercayaan data	32
4.8	Analisis soalan berkaitan Kajian Terhadap Faktor Kesedaran Fungsi Kod Berpalang (<i>Barcode</i>) Pada Barangan Di Pasaraya Besar Sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Seberang Perai (Faktor Pengetahuan)	45
4.9	Analisis soalan berkaitan Kajian Terhadap Faktor Kesedaran Fungsi Kod Berpalang (<i>Barcode</i>) Pada Barangan Di Pasaraya Besar Sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Seberang Perai (Faktor Sikap)	48
4.10	Analisis soalan berkaitan Kajian Terhadap Faktor Kesedaran Fungsi Kod Berpalang (<i>Barcode</i>) Pada Barangan Di Pasaraya Besar Sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Seberang Perai (Faktor Fasilitas)	52

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
4.2	Taburan responden mengikut jantina	34
4.3	Taburan responden mengikut umur	35
4.4	Taburan responden mengikut bangsa	37
4.5	Taburan responden mengikut jabatan	39
4.6	Taburan responden mengunjungi pasaraya besar dalam sebulan	41

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENDAHULUAN

Kod berpalang atau lebih dikenali sebagai (*barcode*) merupakan susunan garis cetak hitam putih yang mempunyai pelbagai ukuran ketebalan garisan. Setiap ketebalan garisan mewakili data-data yang penting seperti kod negara, kod pengilangan, dan kod produk. Dengan penggunaan teknologi ini, ia dapat mempercepatkan lagi proses kerja yang melibatkan proses penerimaan data. Ini kerana, kod berpalang (*barcode*) dapat dibaca hanya dengan menggunakan pengimbas kod berpalang (*barcode scanner*) menjadikan proses lebih cepat jika dibandingkan dengan penggunaan secara manual. Selain itu, setiap data yang diterima adalah tepat. Ini kerana teknologi kod berpalang (*barcode*) mempunyai ketepatan dan ketelitian yang tinggi dalam menganalisis data daripada kod-kod yang dihasilkan.

Pada masa kini, teknologi kod berpalang (*barcode*) telah digunakan secara menyeluruh pada pasaraya-pasaraya besar. Namun, di pasaraya kemudahan ini tidak digunakan dengan sebaiknya oleh pengguna itu sendiri. Disebabkan itu, pengguna tidak dapat memanfaatkan sebaiknya kemudahan yang disediakan. Ini mendatangkan kesan yang merugikan pengguna itu sendiri. Pada masa yang sama, pengguna mudah tertipu dengan taktik promosi yang dilakukan oleh mereka tanpa berfikir panjang.

Kajian ini dilakukan di sekitar Seberang Perai Tengah Pulau Pinang, yang terdapat beberapa buah pasaraya besar iaitu, Econsave, Giant, Mydin dan Tesco.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Dalam era globalisasi ini, sistem kod berpaling (*barcode*) menjadi isu semasa yang perlu dipandang serius. Sektor ekonomi yang tidak stabil mengakibatkan para penjual meletakkan harga yang tidak menentu di pasaran. Sistem kod berpaling dapat membantu untuk mengatasi beberapa masalah tentang kekeliruan harga. Menurut Ahmad Bahrain (2014), beliau boleh mengetahui jika berlakunya perubahan harga pada barangan seperti bahan api (petrol dan disel) tetapi perkara yang beliau tidak mengetahui adalah harga yang tidak konsisten pada barangan harian seperti gula, minyak masak, lampin pakai buang dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa berlakunya perubahan harga barangan dari semasa ke semasa.

Perkara seperti ini sering berlaku sewaktu musim-musim perayaan yang terdapat di dalam Malaysia. Selain daripada isu harga tidak konsisten, harga juga menjadi isu kerana berlakunya kekeliruan harga pada barangan kerana pihak pengusaha pasaraya tidak menitikberatkan tentang harga yang di pameran dan harga yang dipaparkan pada skrin komputer ketika pengguna ingin membuat pembayaran.

Menurut Ahmad Bahrain (2014), menyokong bahawa apabila beliau kembali membeli di pasaraya hiper yang pertama dengan harapan untuk membeli lampin pakai buang yang lebih murah di situ tetapi terperanjat bila melihat produk itu dijual pada harga RM38.90 untuk setiap pek . Harga menunjukkan tidak sampai sebulan sebelum itu ditawarkan pada RM28.90 berbanding bulan lepas, satu kenaikan sebanyak RM10.00 pada setiap satu pek. Kekurangan menyemak sistem kod berpaling (*barcode*) menjadi kekurangan mengetahui dengan harga semasa. Zulkiflie (2014)

Tambahan pula, satu artikel yang menyokong tentang sistem kod berpaling (*barcode*) menurut laman web utusan atas talian, mesin pengimbas harga yang terdapat di kebanyakan pasar raya sukar dilihat dan ditempatkan di sudut tersorok yang menyukarkan pengguna untuk membuat imbasan harga barangan belian mereka ini menimbulkan keraguan apabila kemudahan seperti ini disorok dan ia juga merupakan satu isu dalam fasiliti penyemakan kod berpaling

Kenyataan ini juga disokong oleh Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah Datuk Jainab Ahmad Ayid (2013) mengharapkan setiap pasaraya di negeri ini untuk meletakkan mesin pengimbas harga di ruang yang mudah dilihat bagi kemudahan pengguna.

Seterusnya sebagai sokongan artikel tersebut, Jainab (2013) yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas bagi memantau kenaikan harga barang di Sabah berkata tindakan itu perlu bagi mengelakkan pengguna keliru dengan tawaran harga yang dipamerkan kerana hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan terdapat tanda harga yang mengelirukan pengguna.

Berlandas pernyataan ini, adalah wajar satu kajian dijalankan untuk mengenalpasti faktor kesedaran pensyarah Politeknik Seberang Perai mengenai fungsi kod berpaling (*barcode*) pada barangan di pasaraya besar di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Kini, ramai pengguna tidak menyedari tentang fungsi kod berpalang (*barcode*) pada barangan yang menyebabkan mereka ditipu secara terang-terangan ketika membuat sesuatu pembelian di pasaraya. Hal ini kerana mereka tidak menyedari bahawa kod berpalang (*barcode*) dapat membantu mereka untuk membuat pembelian sesuatu barang kerana mereka hanya menggunakan tanda harga sebagai satu cara untuk membuat pembelian terus. Jika hal ini tidak dititikberatkan ramai pengguna akan ditipu dengan tanda harga yang dipamerkan pada barangan. Sebagai contoh, apabila pengguna ingin membuat pembayaran mereka mendapati harga yang dipaparkan di skrin komputer adalah tidak sama seperti harga yang dipaparkan pada barangan.

Selaras dengan permasalahan di atas, pengguna di sekitar daerah Port Dickson dinasihati supaya berhati-hati ketika membeli-belah. Apabila sebuah pasaraya dikawasan tersebut dikesan mempamerkan harga berbeza berbanding kod berpalang (*barcode*) yang tertera pada barangan. Hal ini, mengakibatkan ramai pengguna membayar lebih daripada nilai tanda harga pada sebuah barangan itu. (Utusan Malaysia,)

Selain itu sikap pengguna yang tidak mengambil berat tentang fungsi kod berpalang (*barcode*) juga akan memberikan kesan sampingan kepada pengguna yang lain kerana pengguna yang lain akan meniru sikap yang di tunjukkan oleh seseorang pengguna ketika membuat pembelian sesuatu barangan. Oleh itu pengguna harus mempunyai pengetahuan tentang fungsi kod berpalang (*barcode*) untuk mengelakkan diri daripada ditipu pihak peniaga. Sebagai contoh harga di resit pembelian kasut sukan yang dibeli dari sebuah pusat barangan sukan di bandar sungai petani tidak sama seperti harga yang dipamerkan. Justeru itu pengguna akan mudah ditipu oleh pihak peniaga dengan mudah. Oleh itu pengguna haruslah mempunyai sikap ingin tahu tentang fungsi kod berpalang (*barcode*) dan cara untuk menggunakan semasa memilih barang. (Sinar Harian Online 2014)

Justeru itu, pengkaji memutuskan untuk mengkaji faktor kesedaran fungsi kod berpalang (*barcode*) pada barangan di pasaraya besar sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dalam kalangan pensyarah Politeknik Seberang Perai.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1.4.1 Mengenalpasti faktor pengetahuan fungsi kod berpaling (*barcode*) pada barangan di pasaraya besar di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dalam kalangan pensyarah Politeknik Seberang Perai.

1.4.2 Mengenalpasti faktor sikap berkaitan fungsi kod berpaling (*barcode*) pada barangan di pasaraya besar di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dalam kalangan pensyarah Politeknik Seberang Perai.

1.4.3 Mengenalpasti faktor fasiliti mesin pengimbas kod berpaling (*barcode*) pada barangan di pasaraya besar di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dalam kalangan pensyarah Politeknik Seberang Perai.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

1.5.1 Adakah faktor pengetahuan mempengaruhi fungsi kod berpaling (*barcode*) pada barangan di pasaraya besar di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dalam kalangan pensyarah Politeknik Seberang Perai?

1.5.2 Adakah faktor sikap mempengaruhi fungsi kod berpaling (*barcode*) pada barangan di pasaraya besar di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dalam kalangan pensyarah Politeknik Seberang Perai ?

1.5.2 Adakah faktor fasiliti mesin pengimbas mempengaruhi fungsi kod berpalang (*barcode*) pada barangan di pasaraya besar di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dalam kalangan pensyarah Politeknik Seberang Perai ?

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengkaji faktor kesedaran fungsi kod berpalang (*barcode*) pada barangan di pasaraya besar di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dalam kalangan pensyarah Politeknik Seberang Perai. Terdapat beberapa kepentingan iaitu kepada pengguna, kepada pengkaji akan datang dan kepada pasaraya-pasaraya yang terlibat. Hasil kajian yang telah dilakukan ini akan meningkatkan pengetahuan kepada pengguna berkaitan fungsi kod berpalang (*barcode*) pada barangan di pasaraya besar di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

1.6.1 Kepentingan Kepada Pengguna

Antara kepentingan yang didapati daripada hasil kajian ialah pengguna dapat mengetahui fungsi kod berpalang (*barcode*) pada barangan dan ini dapat mengelakkan pengguna daripada tertipu dengan harga yang dinyatakan pada barangan selepas kod berpalang (*barcode*) diimbas pada mesin pengimpas kod berpalang (*barcode*). Hal ini akan melindungi hak pengguna ketika membuat atau ketika memilih barangan di sesebuah pasaraya besar di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

1.6.2 Kepentingan Kepada Pengkaji Akan Datang

Hasil daripada kajian ini dapat memberi manfaat kepada pengkaji akan datang serta dapat dijadikan sebagai bahan rujukan untuk memastikan kajian yang dilakukan ini akan dikaji dengan lebih tepat dan jelas. Ia juga akan memudahkan pengkaji akan datang untuk merujuk kepada rujukan yang telah didapati dari hasil rujukan kajian yang telah dijalankan.

1.6.3 Kepentingan Kepada Pasaraya

Hasil daripada kajian ini dapat membantu pihak pasaraya untuk meningkatkan lagi ketelitian mereka dalam proses meletakkan harga dan mengelakkan harga pada barangan berbeza serta dapat membantu pasaraya dalam meningkatkan mutu dan kepercayaan pengguna kepada pasaraya tersebut.

1.7 SKOP KAJIAN

Skop kajian tertumpu kepada pensyarah-pensyarah Politeknik Seberang Perai yang memilih Pasaraya seperti Giant, Tesco, Mydin, dan Econsave sebagai tempat membeli-belah di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

1.8 DEFINISI OPERASIONAL

Berikut merupakan definisi operasional bagi beberapa istilah penting dalam kajian ini yang digariskan oleh pengkaji.

1.8.1 Pasaraya Besar

Menurut kamus Oxford Edisi Ke Tujuh, pasaraya besar membawa maksud sebuah kedai yang besar terletak di luar bandar, dimana ia menjual pelbagai jenis barangan keperluan harian. Kebanyakan pasaraya besar menggunakan teknologi kod berpaling (*barcode*) bagi memudahkan pengguna. Contoh pasaraya besar yang dikaji adalah Giant, Tesco, Econsave dan Mydin di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

1.8.2. Harga

Definisi harga menurut Philip Kotler adalah “harga adalah jumlah wang yang dikenakan untuk sesuatu produk atau perkhidmatan. Lebih penting lagi, harga adalah jumlah semua nilai yang digunakan oleh pengguna untuk membeli produk atau perkhidmatan”. Harga adalah sejumlah wang yang diletakkan keatas sesuatu barangan. Erti kata lain, harga merupakan keseluruhan nilai yang ditukarkan pengguna bagi mendapatkan keuntungan dari pengeluar sesuatu produk.

Dalam konteks kajian ini, harga yang berbeza menyebabkan pengkaji membuat kajian untuk membantu pengguna mengetahui tentang harga barangan yang sebenar.

1.8.3. Promosi

Menurut Zimmerer (2002), promosi merupakan segala jenis bentuk komunikasi yang dirancang untuk memberi tahu pelanggan tentang produk atau barangan dalam pada masa yang sama mempengaruhi mereka agar membeli produk atau barang tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji mengetahui penawaran promosi dapat menarik perhatian pelanggan dalam kalangan pensyarah Politeknik Seberang Perai.

1.8.4. Kod Berpalang (*barcode*)

Kod berpalang (*barcode*) boleh dibaca dalam bentuk nombor dan garisan selari dalam pelbagai saiz yang mengandungi data-data yang tertentu seperti kod negara, kod produk dan kod pengilang. Melalui sistem kod berpalang (*barcode*), ia membantu perniagaan dan organisasi bagi mengenalpasti produk, harga, dan kod barangan untuk digunakan dalam pengurusan melalui sistem perisian komputer. Dalam pada masa yang sama, ia dapat meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kesalahan manusia.

Garisan dan corak pada kod berpalang (*barcode*) mewakili nombor dan data serta mengandungi maklumat asas tentang produk yang akan mudah dibaca oleh pengimbas kod berpalang (*barcode*) seterusnya di masukkan ke dalam sistem komputer secara automatik. Ini dapat mengurangkan masa serta mengandungi maklumat yang tepat. Kod berpalang(*barcode*) terdapat dalam pelbagai bentuk dan saiz serta boleh dibaca oleh telefon mudah alih dan peralatan lain.

1.8.5.Mesin Pengimbas

Mesin pengimbas adalah sebuah mesin yang digunakan untuk memasukkan data ke dalam komputer dengan mengimbas maklumat. Pengimbas ini dilakukan sama ada melalui kaedah optik atau magnet.

Terdapat beberapa faktor yang menjadi punca kepada permasalahan penggunaan mesin pengimbas. Antaranya ialah pengguna tidak tahu cara penggunaan yang sebetulnya menyebabkan mesin pengimbas tidak dapat menganalisis data daripada kod berpaling (*barcode*), maklumat harga tidak dapat disampaikan dengan tepat, ketersediaan kemudahan mesin pengimbas di dalam pasaraya yang tidak mencukupi dan juga sering mengalami masalah teknikal.

1.8.6.Sikap Pengguna

Kajian mengenai individu, kumpulan atau organisasi dan proses yang digunakan oleh mereka untuk memilih, penggunaan, perkhidmatan, pengalaman, atau idea untuk memenuhi keperluan dan kesan bahawa proses ini ada pada pengguna dan masyarakat.

Para pengkaji ingin mengkaji tentang tindak balas seseorang terhadap perubahan iklan, harga dan kaedah pemasaran yang melibatkan perubahan citarasa pengguna. Pelbagai teknik pemasaran yang canggih menyebabkan individu dalam sesebuah masyarakat semakin sukar untuk membuat pilihan semasa membeli sesuatu barangan.

1.9 LIMITASI KAJIAN

Terdapat beberapa kekangan yang dihadapi semasa menjalankan kajian. Antaranya adalah kerjasama, lokasi tertumpu dan memperoleh sumber maklumat.

1.9.1. Sumber Maklumat

Maklumat yang dapat daripada majalah, surat khabar, internet adalah terhad. Pengkaji juga mengalami masalah semasa membuat kajian terhadap kajian di Pasaraya seperti di Giant, Tesco, Econsave dan Mydin.

1.9.2. Lokasi Tertumpu Di Pasaraya Seperti Di Giant, Tesco, Econsave Dan Mydin

Skop kajian kami tertumpu di Pasaraya seperti di Giant, Tesco, Econsave dan Mydin. Responden kami mempunyai pilihan yang banyak untuk mengunjung dan membeli-belah.